



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum awda mengambil keputusan untuk memohon Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan Bermotor ini. Dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda (“Pelanggan”) tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini.</p>	<p>Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei</p> <p>PEMBIAYAAN SEWA BELI KENDERAAN BERMOTOR</p> <p>Maklumat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini berkuatkuasa mulai 1hb Jun 2024</p>								
<p>1. Apakah dia Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan Bermotor?</p> <p>Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan Bermotor ditawarkan bagi tujuan membiayai pembelian kereta baru / terpakai dan motosikal baru.</p>									
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <p>Konsep Syariah yang digunakan ialah <i>Al-Ijarah Thumma Al-Bai'</i> (AITAB) yang merujuk kepada kontrak <i>Al-Ijarah</i> (sewa) yang berakhir dengan penyewa (pelanggan) memiliki aset melalui kontrak <i>Al-Bai'</i> (jualan) yang berasingan.</p> <p>Di bawah kontrak <i>Al-Ijarah</i> (sewa), Pelanggan menyewa kenderaan daripada Perbadanan TAIB dengan bayaran sewa yang dipersetujui dalam tempoh tertentu. Apabila tamat tempoh <i>Al-Ijarah</i> (sewa), Pelanggan memeterai kontrak <i>Al-Bai'</i> (jual beli) untuk membeli kenderaan daripada Perbadanan TAIB pada harga yang dipersetujui.</p>									
<p>3. Siapakah yang boleh memohon produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Umur 18 tahun dan ke atas • Warganegara atau penduduk tetap Brunei Darussalam • Sektor Kerajaan, Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan Sektor Swasta yang diiktiraf. • Menerima gaji atau pensyen di Perbadanan TAIB 									
<p>4. Apakah yang Pelanggan perolehi daripada produk ini?</p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 50%;">Jumlah Pembiayaan</td> <td style="width: 50%;">B\$ _____</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>_____ Bulan</td> </tr> <tr> <td>Kadar</td> <td>_____ %</td> </tr> <tr> <td>Sewa Bulanan</td> <td>B\$ _____</td> </tr> </table> <p>Nota: Jumlah di atas adalah anggaran berdasarkan pengeluaran penuh pembiayaan.</p>		Jumlah Pembiayaan	B\$ _____	Tempoh	_____ Bulan	Kadar	_____ %	Sewa Bulanan	B\$ _____
Jumlah Pembiayaan	B\$ _____								
Tempoh	_____ Bulan								
Kadar	_____ %								
Sewa Bulanan	B\$ _____								
<p>5. Berapakah jumlah kelayakan saya bagi pembiayaan ini?</p> <p>Jumlah kelayakan pembiayaan dikira seperti berikut:</p>									

- Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang atau '*Total Debt Service Ratio*' (TDSR) maksimum adalah 60% bagi yang mempunyai pendapatan bersih B\$1,750.00 dan ke atas.
- Bagi yang mempunyai pendapatan bersih di bawah B\$1,750.00 Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang maksimum adalah tertakluk kepada polisi Perbadanan TAIB.
- Jumlah kelayakan muktamad adalah tertakluk kepada polisi Perbadanan TAIB dan juga penilaian kredit.

6. Berapakah tempoh maksimum bagi pembiayaan ini?

Tempoh maksimum pembiayaan ialah sehingga 84 bulan.

7. Apakah dokumen yang diperlukan untuk pembiayaan ini?

- Kad Pengenalan asal yang sah
- Lesen Memandu asal yang sah
- Slip Gaji asal tiga (3) bulan terkini
- Penyata bank atau buku simpanan 3 bulan terkini
- Pengesahan Gaji, Pencen atau Kontrak Perkhidmatan (mana yang berkenaan).

8. Apakah fi yang perlu dibayar di bawah pembiayaan ini?

Sila rujuk *lampiran A* di bawah untuk senarai fi yang berkenaan.

Awda juga boleh melayari <https://www.taib.com.bn> untuk maklumat tarif dan fi terkini.

9. Apakah sekuriti atau cagaran yang diperlukan di bawah pembiayaan ini?

Pelanggan dipersyaratkan untuk kemasukan gaji tetap atau pencen di Perbadanan TAIB. Kenderaan di bawah pembiayaan ini akan dijadikan sebagai cagaran.

10. Adakah perlindungan Takaful diperlukan untuk pembiayaan ini?

Pelanggan adalah **dimestikan** untuk mengambil perlindungan Takaful Kenderaan sehingga pembayaran penuh kenderaan ini dilunaskan (seperti di dalam Seksyen 25, Perintah Sewa Beli, 2006).

11. Adakah Takaful Gadaijanji Bagi Sewa Beli (*Mortgage Takaful for Hire Purchaser*) (MTHP) diperlukan untuk pembiayaan ini?

MTHP adalah untuk menampung jumlah sewa tertunggak pelanggan sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal dan menyeluruh, dan adalah sangat disyorkan agar pelanggan menyertai Takaful MTHP untuk melindungi kepentingan benefisiari

pelanggan. Berdasarkan budi bicara Perbadanan TAIB, MTHP juga boleh menjadi sebahagian daripada kelulusan bersyarat bagi pembiayaan awda.

12. Siapakah yang menyimpan kad pendaftaran kenderaan (*bluecard*)?

Perbadanan TAIB akan menyimpan '*bluecard*' di sepanjang tempoh pembiayaan. Walau bagaimanapun Pelanggan boleh mengeluarkannya pada bila-bila masa dengan memberikan deposit sebanyak B\$50.00 dan hendaklah mengembalikannya dalam tempoh 14 hari.

Jika Pelanggan gagal untuk mengembalikannya '*bluecard*' dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengeluaran, maka Perbadanan TAIB tidak akan mengembalikannya deposit B\$50.00 tersebut.

13. Bolehkah Pelanggan menukar nombor pendaftaran kenderaan?

Ya, Pelanggan perlu membawa surat kebenaran penukaran nombor kenderaan yang asal dari Jabatan Pengangkutan Darat Brunei Darussalam ke Perbadanan TAIB.

14. Bolehkah Pelanggan menjual kenderaan semasa tempoh pembiayaan?

Pelanggan tidak dibenarkan untuk menjual kenderaan tersebut semasa dalam tempoh pembiayaan tanpa persetujuan dari Perbadanan TAIB. Pelanggan mestilah mendapatkan penglulusan dari Perbadanan TAIB bagi pemindahan hak milik.

15. Bolehkah Pelanggan membuat penyelesaian penuh pembiayaan sebelum tempoh matang?

Ya.

Pelanggan boleh memohon untuk membuat penyelesaian penuh bagi kemudahan ini sebelum tempoh pembiayaan berakhir dan berdasarkan budi bicara Perbadanan TAIB, *Ibra'* (*Rebate*) boleh diberikan kepada Pelanggan pada hari penyelesaian penuh.

(i) Baki tempoh kemudahan **lebih** separuh daripada tempoh asal pembiayaan:
 Jumlah baki sewaan (*outstanding rental amount*) + jumlah tertunggak (*amount overdue*)*
 + 2% daripada jumlah pokok (*principal amount*) atau maksimum B\$500.00, yang mana lebih rendah
 - *Ibra'* (*Rebate*), jika ada
 = Jumlah penyelesaian

(ii) Baki tempoh kemudahan **kurang** separuh daripada tempoh asal pembiayaan:
 Jumlah baki sewaan (*outstanding rental amount*) + jumlah tertunggak (*amount overdue*)*
 + 1% daripada jumlah pokok (*principal amount*) atau maksimum B\$250.00, yang mana lebih rendah
 - *Ibra'* (*Rebate*), jika ada

= Jumlah penyelesaian

**Termasuk fi yang berkenaan*

16. Bagaimana jika Pelanggan gagal untuk menunaikan apa-apa kewajipan yang telah ditetapkan dalam mana-mana perjanjian yang berkaitan dengan Pembiayaan ini?

Jika Pelanggan gagal membuat bayaran bulanan, ia boleh mengakibatkan:

- i. Pembayaran yang terlepas akan dapat dilihat dalam Laporan Biro Kredit yang diselenggarakan oleh Brunei Darussalam Central Bank ("BDCB"), yang mungkin akan menjejaskan penilaian permohonan pembiayaan Pelanggan di mana-mana institusi kewangan pada masa hadapan.
- ii. Penarikan kenderaan di bawah pembiayaan ini; dan
- iii. Bentuk tindakan lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan undang-undang.

Pelanggan tetap bertanggungjawab untuk membayar sebarang baki pembiayaan tertunggak di Perbadanan TAIB, semua yuran yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan ini dan sebarang kos yang timbul daripada tindakan undang-undang yang diambil terhadap Pelanggan.

Perbadanan TAIB berhak untuk menolak atau memindahkan apa-apa jumlah daripada akaun-akaun lain Pelanggan yang ada di Perbadanan TAIB sebagai bayaran ke atas bayaran bulanan yang lewat, atau sebarang jumlah tertunggak atau perlu dibayar di bawah pembiayaan ini.

17. Bila dan bagaimana penarikan kenderaan akan dilakukan?

Sekiranya Pelanggan melanggar Perjanjian ini,

- (i) Notis Penarikan Semula (Jadual Kelima: Seksyen 15. (1) Perintah Sewa Beli 2006) akan dihantar kepada Pelanggan dengan tempoh penangguhan (*grace period*) selama 14 hari.
- (ii) Sekiranya tiada maklum balas atau pembayaran selepas tamat tempoh 14 hari, Perbadanan TAIB akan memulakan proses penarikan kenderaan melalui ejen yang dilantik oleh Perbadanan TAIB. (Ejen akan memperkenalkan diri dengan menunjukkan perintah penarikan kenderaan, surat kebenaran dan kad pengenalan ejen).
- (iii) Setelah kenderaan ditarik, Notis kepada Penyewa (Jadual Keenam: Seksyen 15. (3) Perintah Sewa Beli 2006) akan dihantar dengan tempoh penangguhan (*grace period*) selama 14 hari untuk menebus kenderaan tersebut dengan membayar bayaran tertunggak dan yuran yang dikenakan. Kenderaan akan diserahkan kembali kepada

Pelanggan setelah Perbadanan TAIB menerima keseluruhan jumlah bayaran tertunggak dan fi yang dikenakan.

18. Apa yang berlaku sekiranya Pelanggan gagal memenuhi syarat setelah penarikan?

Setelah tempoh penangguhan (*grace period*) bagi Notis Kepada Penyewa (14 hari) telah tamat, Perbadanan TAIB berhak untuk mengiklankan Kenderaan yang ditarik untuk dijual. Hasil daripada jualan Kenderaan tersebut akan digunakan untuk membayar baki tertunggak Pelanggan. Jika hasil jualan tersebut tidak mencukupi, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar baki tertunggak sepenuhnya. Sebarang lebihan daripada hasil jualan pula akan diserahkan kepada Pelanggan.

Perbadanan TAIB juga berhak untuk memulakan prosiding undang-undang bagi mendapatkan semula baki tertunggak.

19. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Pelanggan dinasihatkan untuk mengunjungi mana-mana cawangan Perbadanan TAIB secepat mungkin untuk mengemaskini butiran perhubungan Pelanggan.

20. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?

Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh melayari <https://www.taib.com.bn> atau menghubungi Pusat Panggilan TAIB di talian +673 2220299 atau mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB yang terdekat.

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak diselesaikan oleh Perbadanan TAIB, Pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB melalui e-mel di fci@bdcb.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan
Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910, Brunei Darussalam

Tel: +673 2380007

NOTIS PENTING

Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas Pelanggan akibat kegagalan untuk membayar bayaran bulanan seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran dan Perjanjian Ijarah.



Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Tawaran. Terma dan syarat muktamad dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Surat Perjanjian setelah penilaian dan kelulusan pembiayaan dari Perbadanan TAIB.

Bagi pihak Perbadanan TAIB, saya mengesahkan bahawa saya telah menerangkan Lembaran Pendedahan Produk kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah diterangkan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan
Nama: No. K/P: Tarikh:	Nama: No. K/P: Tarikh:
<p style="text-align: center;">..... (Bagi pihak Perbadanan TAIB)</p> Nama : No. K/P : Tarikh :	<p style="text-align: center;">.....</p> Nama : No. K/P : Tarikh :

Pembiayaan Kenderaan

Fi pemprosesan (kenderaan terpakai sahaja)	B\$100	Surat Notis bayaran tertunggak	B\$30
Fi Pembatalan	B\$150	Pengeluaran notis '5 th schedule'	B\$30
Pengeluaran sementara Bluecard	B\$50 (Deposit tidak akan dikembalikan jika Bluecard tidak dipulangkan dalam tempoh 60 hari)	Pengeluaran notis '6 th schedule'	B\$30
Letak penyimpanan kenderaan (selepas penarikan balik)	B\$100	Pengeluaran Notis Litigasi	B\$30
Fi Penarikan Balik	B\$200	Borang Tender	B\$2
Fi Penundaan	B\$50 (Tertakluk kepada daerah)	Fi untuk pembida yang berjaya	B\$100
Pindah nama	B\$100	Pemeriksaan kenderaan (selepas penerikan balik)	B\$20
Fi penstrukturan semula	B\$100	Pemeriksaan kenderaan terpakai	B\$20
Surat Pembatalan	Pengeluaran pertama: Percuma Salinan seterusnya: B\$20	Caj pentadbiran bagi penarikan balik	B\$60
Dokumen Perjanjian AITAB Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan	Pengeluaran pertama: Percuma Salinan seterusnya: B\$10	Pengiklanan kenderaan yang ditarik balik	B\$30
Jadual Pembayaran	Pengeluaran pertama: Percuma Salinan seterusnya: B\$10	Surat Pelepasan (Pembiayaan Kenderaan sahaja)	B\$10
Pengesahan Audit (Pembiayaan Kenderaan Sahaja)	B\$50	Penyelesaian Awal	(1)
Pemeriksaan kemampuan	B\$20		
Permintaan Lejar/rekod transaksi	B\$3 bagi setiap salinan		
Surat tukar nombor pendaftaran kenderaan	B\$30		
Peringatan untuk memulangkan Bluecard	B\$1 bagi setiap Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)		